

Kejohanan Ragbi 10 Sebelah Terbuka UMS-KAL 2011

27/3/2011 4B A14

OSCA juara Kategori Cup

LABUAN : Pasukan Old Sabah College Associations (OSCA), Kota Kinabalu muncul juara Kategori Cup Kejohanan Ragbi 10 Sebelah Terbuka Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) 2011 Sabtu lalu.

Pada perlawanan akhir yang diadakan di Padang Perbadanan Labuan, OSCA menewaskan UiTM A 24 - 19 untuk memenangi hadiah wang tunai RM1,000 dan medal manakala naib juara menerima RM700 dan medal.

Bagi Kategori Plate, pasukan Kelab Ragbi Labuan muncul johan selepas menewaskan Kelab Ragbi Sipitang 10-0 untuk meraih RM500 manakala naib johan menerima RM300 beserta medal.



BERSAMA JUARA...Dr Shariff (tiga dari kiri) bersama pasukan OSCA Sabah yang menjuarai Kejohanan Ragbi Terbuka UMS-KAL 2011.



DIUSUNG KELUAR...JPAM membantu mengangkat pemain cedera.



NAIB JUARA...UiTM A naib juara Kategori Cup.



AJK PENGANJUR...Dr Shariff (empat kiri) bersama AJK Penganjur Kejohanan Ragbi UMS-KAL 2011.



KATEGORI PLATE...Kelab Ragbi Labuan juara Kategori Plate.

Pasukan Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Wilayah Persekutuan Labuan (MSSWPL) pulamemenangi Kategori Bowl selepas mengecewakan tuan rumah, UMS-KAL 7 - 0 untuk memenangi medal.

Hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Shariff Abdul Kadir Omang.

Turut hadir Pegawai Belia dan Sukan UMS-KAL, Gabriel Moinjil, Penyelaras Kejohanan, Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal dan Pengarah Program, Mathernus Wan Jock.

Kejohanan tahunan itu turut disertai pasukan La Salle, KK Sharks, Sekolah Menengah Sipitang, Tawau Rugby Club dan UiTM B.

Dr Geoffrey berharap kejohanan yang diadakan



(Gambar Atas) AKHIR... Perlawanan akhir Kategori Cup antara OSCA dan UiTM A.



CERIA... Dr Shariff bersalam dengan pemain terbaik kejohanan dari OSCA Sabah.



BERSAING...Kejohanan Ragbi Terbuka UMS-KAL berjaya menarik pasukan dari luar.

sejak 2003 itu akan dimasukkan ke dalam kalendar pelancongan Wilayah Persekutuan Labuan kerana ia disertai pasukan dari luar Labuan yang mampu menjana ekonomi dan industri pelancongan tempatan.

Beliau juga berharap jabatan dan agensi kerajaan serta sektor swasta akan membantu menjayakan kejohanan itu pada masa akan datang sekaligus menjalin hubungan baik antara UMS-KAL dengan pihak berkenaan.